

Semarakkan semula kempen budi bahasa

BUDI Bahasa Budaya Kita merupakan satu slogan kebangsaan yang mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2005.

Melalui kempen ini, istilah budi bahasa yang digariskan itu tidak hanya semata-mata kepada pertuturan dan cara percakapan, tetapi merangkumi semua aspek dalam kehidupan seharian manusia.

Pemandu yang memandu melalui di jalan raya dan seseorang yang suka membuang sampah sesuka hati dikategorikan sebagai kumpulan manusia yang tidak berbudi bahasa.

Begitu juga dengan mereka yang tidak memohon maaf apabila melakukan kesilapan, pemimpin yang bercakap kasar terhadap pelanggan atau orang

ramai, individu yang memungkir janji, merokok di kawasan larangan dan merosakkan harta awam, semua ini adalah situasi kepada masyarakat yang tidak berbudi bahasa.

Bagaimanapun, tanpa kita sedari, kisah-kisah buruk ini telah disajikan tanpa tapisan di media sosial hampir setiap hari sehingga mencerminkan betapa kritikalnya taraf sosial masyarakat Malaysia.

Melihat kepada keadaan yang berlaku, kita bertanya kepada diri sendiri, adakah berbudi dan berbahasa bukan lagi menjadi budaya kita?

Tokoh sejarah, **Profesor Emeritus, Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim** dalam satu temu bual berkata, sebagai masyarakat Timur, amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni sebenarnya bukannya perkara baharu, tetapi telah dipupuk seawal usia kanak-kanak.

Namun katanya, kehidupan hari ini tidak lagi sama seperti dahulu kerana nilai-nilai murni yang kaya pada diri masyarakat semakin terhadis lantaran daripada tuntutan mengejar kekayaan dan kebendaan.

Menurutnya, cabaran globalisasi dan dunia tanpa sempadan dilihat antara faktor masyarakat tidak lagi mengamalkan budaya yang dahulunya kuat seperti semangat bantu membantu dan saling hormat menghormati.

"Satu kaji selidik yang dijalankan di universiti mendapati ada yang sanggup menerima rasuah



Di Sebalik Isu Panas

Bersama MUSTAPA LAKAWA

untuk melakukan sesuatu perkara dan ia membuktikan bahawa masyarakat hari ini semakin kehilangan nilai-nilai murni dalam diri mereka," katanya.

Justeru kata beliau, amalan budi bahasa perlu ditanam dalam diri sejak peringkat awal bagi membolehkan ia terus mengalir dalam diri sehingga mencapai usin dewasa.

Peranan ibu bapa dan guru perlu sama penting dalam memastikan generasi hadapan negara kita terus mempunyai sikap budi bahasa yang tinggi

Berkongsi pandangan sama, pen-syarah Jabatan Kesejahteraan dan Pendidikan Komuniti, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Anur Ahmad** yang

mengakui kempen Budi Bahasa Budaya Kita yang dilancarkan sejak 2005 tidak dinafikan adalah satu usaha pendidikan yang baik.

Bagaimanapun katanya, sesuatu kempen hanya dilakukan apabila kita menyakini bahawa sistem pendidikan formal telah gagal melaksanakannya di peringkat lebih awal.

"Sama juga apabila kita anjurkan kempen Bulan Bahasa Kebangsaan pada bulan Oktober setiap tahun, bukankah kempen bulan bahasa itu dilakukan sebagai tanda sistem pendidikan formal negara telah gagal menjadikan Bahasa Kebangsaan se-

bagai bahasa utama komunikasi masyarakat Malaysia?"

"Jika semua ini telah berjaya dilaksanakan melalui pendidikan sebelumnya, sudah tentu kempen seumpama ini tidak perlu diadakan lagi. Sebab itu pada saya, kewujudan kempen harus dilihat dari dua sudut. Pertama, ia satu usaha murni yang baik dan perlu disokong. Kedua, kewujudan amalan kempen itu memberikan isyarat bahawa sistem pendidikan negara kita telah gagal mencapai matlamat dalam hal-hal yang kita bincangkan di atas," ujarnya.

Ditanya bagaimana untuk mewujudkan masyarakat yang saling menghormati dan bertolak-ansur, beliau menggariskan beberapa perkara yang harus dilakukan secara bersungguh-sungguh dan mempunyai rangka masa atau tempah pelaksanaan.

"Kita perlu membina semula konsep dan dasar budaya kita yang di terima oleh semua kaum secara saksama dan inklusif. Jelas konsep lama budaya kita sudah tidak diterima oleh semua kaum di negara ini. Buktinya sangat ketara apabila setiap kaum masih mengukuhkan budaya masing-masing sebagai budaya kita.

"Selain itu, sangat penting untuk menjadikan nilai dan budaya murni sebagai teras utama pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Sejak sekian lama, ilmu berkaitan nilai murni, saling menghormati dan bertolak-ansur sekadar bersifat penerapan, bukan sebagai asas utama pelaksanaan pendidikan negara," katanya.



KEHEBATAN SEKEPING FOTO

BEBERAPA aktivis cuba menghalang kenderaan berat Israel yang akan digunakan untuk memusnahkan sebuah perkampungan masyarakat Badwi Palestin di Khan al-Ahmar dekat Tebing Barat semalam.

REUTERS